

07 JAN 2002

Mahathir-Disiplin/I

DISIPLIN DAPAT BAIKI MUTU PENTADBIRAN, KATA DR MAHATHIR

KUALA LUMPUR, 7 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata anggota-anggota perkhidmatan awam perlu meningkatkan tahap disiplin untuk meningkatkan mutu pentadbiran.

Perdana Menteri berkata disiplin seperti juga nilai baik yang lain termasuk profesionalisme, kecekapan dan kebolehpercayaan, akan menentukan keberkesanan sesuatu pentadbiran.

"Terdapat banyak perkara baik jika arahan dipatuhi walaupun arahan itu mungkin nampak bodoh," katanya ketika berucap pada Majlis Perdana Perkhidmatan Awam Ketiga di Bukit Kiara di sini hari ini.

Sebagai contoh, Dr Mahathir menceritakan bagaimana 600 tentera British yang mengikut arahan ketua mereka, menyerbu satu lembah yang mengandungi 2,000 askar Rusia yang sedang menunggu dengan senjata, dan mereka tahu semua mereka akan dibunuh.

"Itu arahan yang tidak betul, tetapi jika mereka tidak menyerang, mereka akan ditembak. Tindakan tentera British itu telah mendapat penghormatan orang ramai," katanya.

Dr Mahathir berkata bahawa ada kalanya keputusan yang beliau buat dilihat "bodoh" oleh orang lain.

"Kadang-kadang nampak pelik tetapi ada baiknya arahan itu dilaksanakan dengan penuh disiplin. Kita akan gagal jika ia tidak dilaksanakan. Profesionalisme dan disiplin dalam melaksanakan arahan telah meletakkan kita di tempat yang kita ada sekarang," katanya.

Sebagai contoh, kata Perdana Menteri, pelaksanaan projek kereta nasional pada mulanya dianggap satu idea yang bodoh tetapi ia kini telah membuahkan hasil.

Dr Mahathir berkata mutu perkhidmatan awam perlu sentiasa dipertingkatkan dan dikemaskini supaya ia seiring dengan kemajuan dunia.

Beliau juga berkata Pegawai Daerah yang dulunya "berlagak seperti raja", kini perlu turun ke padang untuk memahami masalah rakyat.

Ketika diminta mengulas sebuah buku yang memberi tumpuan kepada perbezaan pendapat beliau dengan Almarhum Tunku Abdul Rahman, Dr Mahathir berkata beliau menghargai apa yang dilakukan oleh perdana menteri pertama itu semasa tempoh perkhidmatannya.

"Ketika itu saya masih muda. Nak cepat aje. Tunku seorang penyabar dan tenang," katanya.

-- BERNAMA

HK ZS MAI